



Dokumen Maklumat Penting (KID)

CFD BAGI PASANGAN FX UTAMA. Apabila pasangan mata wang (mata wang asas/sebut harga) terdiri daripada mana-mana dua mata wang berikut: USD / EUR / JPY / GBP / CAD / CHF. Anda boleh merujuk [di sini](#) untuk melihat semua FX Utama yang ada dan ditawarkan oleh Syarikat pada masa ini.

TUJUAN

Dokumen ini menyediakan maklumat penting tentang produk pelaburan ini kepada anda. Dokumen ini bukan bahan pemasaran. Maklumat ini dikehendaki oleh undang-undang untuk membantu anda memahami sifat, risiko, kos, potensi keuntungan dan kerugian produk ini dan membantu anda membandingkan produk ini dengan produk-produk lain.

PRODUK

Pengeluar produk ini ialah **eToro (Europe) Limited ('eToro EU' atau 'Syarikat')** (<https://www.eto.com>), sebuah syarikat yang berdaftar di Republik Cyprus dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Pertukaran Cyprus. Anda boleh menghubungi **eToro EU** di <https://www.eto.com/support/> untuk mendapatkan maklumat lanjut. KID ini dibuat/terakhir dikemas kini pada bulan Oktober 2019.

AMARAN: Anda sedang bersedia untuk membeli produk yang agak rumit dan mungkin sukar difahami.

APAKAH PRODUK INI?

JENIS: Ini Kontrak Perbezaan ('CFD'). CFD bagi FX Utama bermaksud anda tidak membeli aset dasar, tetapi sebaliknya membeli kontrak untuk menyelesaikan perbezaan antara harga permulaan dan penutup aset dasar tersebut. FX sentiasa diniagakan secara berpasangan dan meniagakan CFD bagi pasangan FX melibatkan belian dan jualan serentak dua mata wang yang berbeza. Sebut harga pasangan FX akan menunjukkan kedua-dua mata wang, cth. EUR/USD, mata wang pertama (EUR) dikenali sebagai mata wang asas dan mata wang kedua (USD) dikenali sebagai mata wang boleh ubah. Dagangan FX memberi pilihan kepada pelabur untuk membeli (go 'long') pasangan mata wang berkaitan sekiranya mereka merasakan harga mata wang "asas" akan naik berbanding mata wang "boleh ubah" atau "sebut harga", atau secara alternatif menjual (go 'short') pasangan mata wang tersebut sekiranya mereka merasakan bahawa harga mata wang boleh ubah ini akan naik berbanding mata wang asas.


OBJEKTIF: Objektif berdagang CFD FX Utama adalah untuk memperoleh pendedahan terleveraj (amnya dalam jangka pendek) kepada naik turun yang berkaitan dengan pasangan mata wang dasar tanpa memilikinya. Pulangan anda bergantung pada saiz prestasi (atau pergerakan) pasangan mata wang dasar dan saiz kedudukan anda. Produk ini dimeterai bagi tujuan spekulasi atau lindung nilai dan biasanya diniagakan berdasarkan margin. Margin merujuk pada penggunaan sejumlah kecil modal untuk menyokong pelaburan yang mempunyai pendedahan yang lebih besar. Sila ambil perhatian bahawa perdagangan margin/leveraj memerlukan kewaspadaan yang lebih tinggi, kerana walaupun anda boleh merealisasikan keuntungan yang besar sekiranya pergerakan harga menyebelahi anda, anda juga menanggung risiko kerugian besar sekiranya pergerakan harga tidak menyebelahi anda.

PELABUR RUNCIT SASARAN:

Tidak semua orang sesuai untuk berdagang dalam produk ini. Produk ini biasanya digunakan oleh individu yang secara am mahu mendapatkan pendedahan jangka pendek kepada instrumen kewangan; berdagang dengan wang yang mereka mampu hilang akibat kerugian; memiliki pelbagai portfolio pelaburan dan simpanan; mempunyai toleransi risiko yang tinggi; dan mempunyai pemahaman yang baik tentang impak dan risiko yang dikaitkan dengan perdagangan margin.

APAKAH RISIKONYA DAN APA YANG SAYA BOLEH PEROLEH SEBAGAI IMBALAN?

Ringkasan penunjuk risiko adalah panduan mengenai tahap risiko produk ini berbanding produk lain. Ia menunjukkan setakat mana produk ini mungkin akan mengalami kerugian akibat pergerakan dalam pasaran atau kerana Syarikat gagal membuat bayaran kepada anda.



Syarikat telah mengklasifikasikan produk ini sebagai 7 daripada 7, iaitu kelas risiko yang tertinggi.

Klasifikasi ini menilai potensi kerugian daripada prestasi masa depan pada tahap 'sangat tinggi'. Berhati-hati dengan risiko mata wang. Anda mungkin menerima bayaran dalam mata wang berbeza, jadi, pulangan akhir yang anda dapat akan bergantung pada kadar pertukaran di antara dua mata wang berkaitan. Risiko ini tidak diambil kira dalam penunjuk yang ditunjukkan di atas. Risiko perdagangan akan semakin besar apabila berdagang dengan leveraj, namun begitu, jumlah kerugian yang anda mungkin tanggung tidak sekali-kali akan melebihi jumlah pelaburan anda.

Syarikat menawarkan Perlindungan Baki Negatif kepada Kliennya, maksudnya, mereka tidak akan sekali-kali berada dalam kedudukan di mana mereka kehilangan dana lebih daripada jumlah yang dilaburkan dengan Syarikat. Nilai boleh turun naik dengan ketara dari semasa ke semasa akibat kemudahubuhan yang tinggi atau ketidaktentuan pasaran/ekonomi; perubahan sedemikian akan lebih ketara sekiranya kedudukan anda dileverajkan, bahkan ini mungkin memberi kesan yang menjejaskan kepada kedudukan anda. Akibatnya, panggilan Margin mungkin dibuat dengan cepat atau kerap, dan sekiranya anda ingkar, kedudukan anda mungkin ditutup dan apa-apa kekurangan akan perlu anda tanggung. Berniaga hanya setelah anda mengakui dan menerima risikonya. Anda perlu mempertimbangkan dengan teliti sama ada perdagangan dalam produk terleveraj sesuai untuk anda. Akhir sekali, sila ambil perhatian bahawa kami boleh menutup kedudukan anda tanpa izin anda terlebih dahulu sekiranya anda tidak mengekalkan margin yang secukupnya dalam akaun anda. Jika jumlah margin dalam akaun anda jatuh di bawah 50% daripada jumlah margin awal yang diperlukan untuk semua CFD dalam akaun anda, Syarikat mesti menutup satu atau lebih kedudukan terbuka anda.

CFD eToro EU tidak disenaraikan di mana-mana tempat dagangan (iaitu di bursa), dan harga serta syarat-syarat lain ditetapkan oleh Syarikat. Kontrak boleh dibeli/dijual hanya dengan eToro EU dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pembekal/pihak ketiga lain. Jika anda memiliki pelbagai kedudukan dengan eToro EU, risiko anda mungkin terkumpul dan tidak terhad pada satu kedudukan sahaja.

SENARIO PRESTASI

Dokumen maklumat penting ini tidak khusus bagi produk tertentu sahaja. Ia terpakai bagi CFP untuk mana-mana mata wang Utama yang ditawarkan oleh Syarikat pada platform eToro EU. Walau bagaimanapun, setiap CFD yang anda meterai dengan eToro EU khusus kepada anda dan pilihan anda sahaja. Anda bertanggungjawab untuk memilih: mata wang Utama dasar, waktu membuka dan menutup kedudukan anda, saiz kedudukan anda dan sama ada anda mahu menggunakan mana-mana alat pengurusan risiko yang ditawarkan oleh platform eToro EU atau tidak, misalnya arahan henti rugi/ambil untung. Mata wang Utama dasar yang ditawarkan untuk setiap CFD ini akan mempunyai impak material pada risiko dan pulangan pelaburan anda.

Apa yang anda peroleh akan berbeza bergantung pada prestasi pasaran dan berapa lama anda memegang CFD tersebut. Senario tertekan menunjukkan apa yang anda mungkin peroleh kembali dalam keadaan pasaran ekstrem, dan ia tidak mengambil kira situasi di mana Syarikat tidak dapat membayar anda.

Andaian berikut telah digunakan untuk mewujudkan senario dalam Jadual 1:

CFD dalam FX Utama iaitu EUR/USD (dipegang intrahari)		
Harga Buka CFD FX Utama:	P	1.1295*
Saiz dagangan (Bagi setiap CFD):	TS	8,866.73
Margin %:	M	3.33%
Keperluan margin (USD):	$MR = P * TS * M$	\$333.3
Nilai nosional dagangan (USD):	$TN = MR/M$	10,000

*Harga belian

Jadual 1:

BELI (LONG) Senario Prestasi	Harga tutup (termasuk spread)	Perubahan harga	Untung/Rugi	JUAL (SHORT) Senario Prestasi	Harga tutup (termasuk spread)	Perubahan harga	Untung/Rugi
Baik	1.1381	0.76%	\$76	Baik	1.1207	0.76%	\$76
Sederhana	1.1306	0.10%	\$10	Sederhana	1.1282	0.10%	\$10
Tidak baik	1.1218	-0.68%	-\$68.00	Tidak baik	1.1370	-0.68%	-\$68.00

Tertekan	1.1120	-1.55%	-\$155.00	Tertekan	1.1468	-1.55%	-\$155.00
----------	--------	--------	-----------	----------	--------	--------	-----------

PENAFIAN: Perkembangan pasaran pada masa hadapan tidak dapat diramal secara tepat. Senario-senario yang ditunjukkan hanyalah indikasi tentang beberapa hasil yang mungkin diperoleh berdasarkan pulangan terkini. Pulangan sebenar mungkin lebih rendah. Angka-angka yang ditunjukkan telah menyertakan semua kos produk itu sendiri. Angka-angka ini tidak mengambil kira situasi cukai peribadi anda, yang mungkin turut mempengaruhi jumlah yang anda peroleh kembali.

APAKAH YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA ETORO (EUROPE) LTD TIDAK DAPAT MEMBUAT PEMBAYARAN?

eToro EU ialah anggota Dana Pampasan Pelabur untuk Pelanggan Firma Pelaburan Cyprus (CIF) ('Dana'). Objektif Dana ini adalah untuk menjamin apa-apa tuntutan daripada klien yang dilindungi terhadap ahli Dana dan membayar pampasan kepada klien yang dilindungi untuk sebarang tuntutan yang timbul akibat kegagalan ahli Dana menunaikan obligasinya, sama ada obligasi tersebut berpunca daripada perundangan, perjanjian klien atau salah laku pihak ahli Dana. Pembayaran pampasan oleh Dana kepada ahli kliennya yang layak tertakluk pada wujudnya tuntutan yang berasas daripada klien terhadap ahli Dana ini. Dana ini meliputi pelaburan yang layak sehingga 20,000 Euro seorang. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Notis Pampasan Pelabur di laman web eToro <https://www.etoro.com/customer-service/regulation-license/>

BERAPAKAH KOSNYA?

Sebelum anda mula berdagang CFD FX, anda hendaklah membiasakan diri dengan semua komisen, yuran dan caj lain yang anda akan bertanggungjawab untuk bayar. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang komposisi kos, sila layari laman web eToro <https://www.etoro.com/trading/market-hours-fees/?category=currencies>.

Jadual ini menunjukkan jenis kategori kos yang berbeza dan maksud masing-masing		
Kos sekali sahaja	Sebaran	Perbezaan antara harga beli dan jual dipanggil sebaran.
	Pertukaran Mata Wang	Ini ialah bayaran untuk menukar untung/rugi yang direalisasi daripada mata wang instrumen kepada mata wang akaun.
Kos berterusan	Yuran semalaman	Yuran semalaman adalah untuk setiap hari Klien mengekalkan kedudukan yang terbuka. Bergantung pada kedudukan yang dipegang dan kadar faedah semasa Syarikat, akaun Klien mungkin dikredit/didebit dengan kos semalaman.

FX CFD tidak sesuai untuk pelabur jangka panjang. Jika anda memegang CFD yang terbuka dalam jangka masa yang panjang, kos berkaitan seperti Yuran/Kredit Semalaman akan dikenakan. Yuran/kredit harian akan digandakan tiga kali bagi kedudukan yang dibawa ke hadapan dari Rabu malam. Yuran/kredit akan dikenakan/dikreditkan pada pukul 17:00 waktu New York untuk mana-mana kedudukan yang terbuka pada masa ini.

BERAPA LAMAKAH SAYA PERLU MEMEGANGNYA DAN BOLEHKAH SAYA MENGELUARKAN WANG LEBIH AWAL?

CFD tidak mempunyai sebarang tempoh pegangan yang disyorkan dan pada umumnya digunakan untuk dagangan jangka pendek. Tiada sebarang tempoh terkunci dan Pelabur boleh mencairkan kedudukan dagangan dan mengewangkan (monetize) hasil kewangan pada bila-bila masa semasa waktu pasaran.

BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK SAYA MEMBUAT ADUAN?

Jika anda ada apa-apa pertanyaan yang boleh dibantu oleh Syarikat, Syarikat ada beberapa alat yang anda boleh guna, misalnya Soalan Lazim (FAQ), merujuk pertanyaan anda melalui sistem Tiket untuk jabatan Khidmat Pelanggan, atau melalui sesi bual dengan wakil Khidmat Pelanggan.

Sekiranya Syarikat tidak dapat menjawab pertanyaan anda atau anda rasa jawapan kami tidak memuaskan, anda boleh membuat aduan rasmi dengan mengisi borang yang diperlukan yang boleh didapati di bahagian bawah teks ini. Syarikat akan melakukan yang terbaik untuk menangani aduan anda dalam masa 48 jam dan memberi anda maklum balas. Syarikat akan memaklumkan anda tentang perkembangan aduan anda dan maklum balas bertulis penuh akan diberi kepada anda tidak lewat daripada lapan minggu dari tarikh Syarikat menerima aduan tersebut.

Sekiranya selepas itu, anda rasa aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Syarikat, anda boleh merujuk aduan anda dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat maklum balas akhir:

- kepada **PERKHIDMATAN OMBUDSMAN KEWANGAN**

Aduan boleh dikemukakan kepada Ombudsman Kewangan dengan menggunakan alamat berikut:

Alamat pejabat: Lord Byron Avenue 13, 1096, Nicosia, Cyprus, ATAU P.O. 25735, 1311, Nicosia, Cyprus

Melalui faks: 00357 22 660 584 atau 00357 22 660 118

Melalui e-mel: complaints@financialombudsman.gov.cy

Borang aduan hendaklah disertakan dengan bukti bayaran (€20);

● kepada **SURUHANJAYA SEKURITI DAN BURSA CYPRUS**

Aduan boleh dikemukakan kepada SURUHANJAYA SEKURITI DAN BURSA CYPRUS (CYSEC), melalui tatacara dan borang yang dinyatakan pada e-alamat berikut:

<https://www.cysec.gov.cy/en-GB/complaints/how-to-complain/>

MAKLUMAT LAIN YANG BERKAITAN

Jika ada sela masa di antara masa anda membuat pesanan dengan masa ia dilaksanakan, pesanan anda mungkin tidak dilaksanakan pada harga yang anda jangkakan. Pastikan kekuatan isyarat internet anda mencukupi sebelum berdagang. Terma dan Dasar ini boleh didapati di <https://www.etoro.com/customer-service/terms-conditions/>, yang mengandungi maklumat penting berhubung akaun pelaburan anda, dan perlu dibaca seiring dengan dokumen ini.